

UPMT, Lotus dan Top IT Industries Meterai MOU



Suatu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman telah diadakan di Gem Beach Resort, Kuala Terengganu pada 9 Ogos 1998 di antara Universiti Putra Malaysia Terengganu, Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. and Top IT Industries Sdn. Bhd.

Memorandum Persafahaman adalah untuk kerjasama dalam bidang IT di antara ketiga-tiga pihak berkenaan di mana Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. akan membekalkan perisian komputer kepada semua sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan di kawasan Seitu. Universiti Putra Malaysia Terengganu (UPMT) pula akan menyediakan program latihan berkenaan.

Memorandum Persefahaman ditandatangani oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Mohamed Mahyuddin bin Mohd Dahan, Rektor UPMT; Encik Peter Goh, Pengurus Besar, Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. dan Y. Bhg. Dato' Azman Muda, Pengerusi TOP IT Industries Sdn. Bhd.

Majlis tersebut disaksikan oleh Y. B. Tengku Dato' Dr. Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Pertanian, Y. B. Dato' Abd. Rashid Ngah, Anggota Exco Negeri Terengganu dan Y. Bhg. Tan Sri Najib Canselor, Universiti Putra Malaysia.

Turut hadir dalam Majlis tersebut adalah pegawai-pegawai utama UPMT, pegawai-pegawai Lotus Sales and Services Sdn. Bhd. dan Top IT Industries Sdn. Bhd.